

MRT lariskan perniagaan Restoran Ikhwan di Bukit Bintang



IQ AL-HAFIZ
MAT YUSOF

KUALA LUMPUR – Restoran Ikhwan yang terletak hanya 100 meter dari perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Bukit Bintang di sini menerima sambutan menggalakkan daripada pengunjung sejak perkhidmatan pengangkutan awam itu dilancarkan pada 17 Julai lalu.

Pengurus Restoran Ikhwan, Fakhiah Hazan berkata, pembinaan MRT di stesen Bukit Bintang telah melonjakkan ekonomi kepada semua peniaga di sekitar kawasan tersebut termasuk restorannya.

“Saya dapat melihat perubahan dari segi keuntungan dan jumlah pelanggan harian termasuk dalam kalangan pelancong asing yang menggunakan perkhidmatan MRT untuk bersiar-siar di kawasan sekitar

Bukit Bintang.

“Kunjungan pelanggan menyebabkan saya merancang untuk menambah jumlah pekerja dari enam orang kepada 10,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Restoran Ikhwan yang mampu memuatkan 200 orang pelanggan pada satu-satu masa itu menyajikan pelbagai jenis juadah seperti nasi beriani, nasi tomato, ‘lamb chop’ dan ‘chicken chop’ dengan harga antara RM10 ke RM20.

Restoran masakan Melayu yang telah beroperasi sejak sembilan tahun itu turut menyediakan dewan perkahwinan sebagai salah satu strategi menarik lebih ramai pelanggan.

Sementara itu, seorang pelancong asing yang berasal dari Perancis, **Guillaume, 26**, berkata, perkhidmatan MRT memudahkan perjalanannya untuk ber-



FAKHIYAH



GUILLAUME



MARYNE

INFO

Restoran Ikhwan

Lokasi: No 64, Jalan Changkat Bukit Bintang, 55100, Kuala Lumpur

Stesen MRT: Bukit Bintang (100 meter dari stesen)

Facebook: Restoran Ikhwan, Bukit Bintang, Kuala Lumpur

Waktu Operasi: 10 pagi - 12 tengah malam (setiap hari)

siar-siar di ibu kota tanpa perlu meredah kesesakan lalu lintas.

“Walaupun ini merupakan kunjungan pertama ke Kuala Lumpur, namun saya sudah men-



RESTORAN Ikhwan yang terletak berdekatan Stesen MRT Bukit Bintang ini mampu memuatkan sehingga 200 orang pelanggan pada satu-satu masa.

gagumi perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan.

“Tempoh menunggu tren dari Stesen MRT Muzium Negara ke Bukit Bintang juga tidak lama,” ujarnya. Bagi pelancong dari Switzerland, **Maryne, 25**, tambang pen-

angkutan awam di negara ini sangat berpatutan selain selesa setanding dengan negara Barat.

“Saya percaya perkhidmatan MRT yang disediakan ini akan menarik lebih ramai pelancong asing untuk melawat negara ini,” ujarnya.